Kabinet setuju ketepi isu padi

BH- 30/3/2007

Kerajaan sentiasa lindungi kepentingan lebih setengah juta petani: Muhyiddin

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Kabinet bersetuju dengan pendirian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya sektor padi dan beras tidak dimasukkan dalam senarai perkara yang akan dirundingkan dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata langkah itu penting bagi melindungi dan memelihara industri padi yang sudah lama diusahakan.

Katanya, industri padi dan beras juga membabitkan lebih setengah juta petani dan kerajaan akan sentiasa menjaga kepentingan mereka serta tidak mahu berkompromi atau berunding mengenainya.

"Malah, kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk membangunkan sektor tanaman padi dan menambah pengeluaran beras negara.

"Kabinet setuju dengan cadangan dan pendirian kita supaya padi dan beras kekal dalam senarai barang dan produk yang dikecualikan dalam rundingan FTA antara Malaysia dan AS.

"Kita tidak boleh berunding mengenai produk ini walaupun ada pihak mendakwa AS tidak akan mengeksport banyak beras mereka.

"Sekarang pun kita mempunyai dasar mengawal import beras kerana mahu memastikan tiada lambakan. Kita melantik Bernas selaku syarikat awam untuk mengendalikan kemasukan padi dan beras import," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri dilaporkan berkata, rundingan mengenai FTA akan tetap diteruskan tetapi tidak terikat dengan sebarang tempoh bagi menyelesaikannya.

Datuk Seri Najib Razak berkata, sembilan kementerian selain Pejabat Peguam Negara terbabit dalam rundingan FTA yang mana mesyuarat Kabinet semalam bersetuju mendengar dan meluluskan pendirian kementerian berkenaan.

Muhyiddin berkata, langkah mengecualikan padi dan beras dalam rundingan itu juga bagi memberi perlindungan kepada petani tempatan dan jika tidak dikecualikan, ia mampu membawa implikasi buruk.

Sementara itu pada majlis berlainan, Muhyiddin mempertahankan bahawa Bank Pertanian Malaysia Bhd (BPM) tidak terkeluar daripada fungsi dan matlamatnya memberikan pinjaman kepada mereka yang terbabit dalam sektor pertanian.

Beliau menjelaskan, BPM wujud sejak 30 tahun lalu dan sudah mengeluarkan berbilion pinjaman kepada petani dan pengusaha industri berkaitan dengannya.

"Saya tidak menafikan ada kes yang BPM kenakan syarat ketat, tapi sejak lebih 30 tahun lalu bank ini adalah pemberi pinjaman utama untuk sektor pertanian.

"Dakwaan BPM tidak berperanan, saya tidak setuju kerana ia tidak benar," katanya pada sidang media selepas melancarkan Ekspo Produk Alam Semula Jadi Asia Pasifik 2007 (Netpro) di sini, semalam.

SYAHARIM ABIDIN | BERITA HARIAN

KELUARAN BERKUALITI: Muhyiddin melihat produk daripada halia keluaran Bio-Farm pada Ekspo Produk Alam Semula Jadi Asia Pasifik 2007 (Netpro) di Kuala Lumpur, semalam.

FAKTA NOMBOR

Peratusan sasaran pengeluaran padi

90

Menjelang 2009

72

Pengeluaran setakat ini

YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA